



KENYATAAN MEDIA

PENDEKATAN *WHOLE-OF-GOVERNMENT* BAGI MEMBANTERAS KARTEL TIPUAN BIDA DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

29 JANUARI 2026

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) menjalin kerjasama strategik dalam memperkukuh pelaksanaan agenda kerajaan dalam membanteras amalan anti persaingan khususnya kartel atau pakatan tipuan bida. Komitmen ini diterjemahkan melalui pemeteraian Surat Persefahaman atau *Letter of Understanding* (LoU) antara Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) iaitu agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) iaitu agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

LoU ini telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Seri Noridah binti Abdul Rahim selaku Ketua Pengarah JWP dan YBhg. Tan Sri Dato' Sri Idris bin Harun selaku Pengerusi MyCC. Majlis pemeteraian tersebut turut disaksikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan).

LoU tersebut merangkumi kerjasama strategik kedua-dua agensi dalam beberapa skop utama, antaranya:

- i. Penyediaan khidmat nasihat dan laporan penilaian awal berhubung unsur tipuan bida dalam perolehan;
- ii. Pelaksanaan latihan secara berkala kepada pegawai perolehan; dan
- iii. Pemberian pandangan mengenai isu persaingan dan risiko dalam proses perolehan Kerajaan.

JWP memberikan penekanan serius terhadap isu kartel tipuan bida dalam perolehan Kerajaan dan komited untuk menyalurkan maklumat serta membuat laporan kepada MyCC sekiranya terdapat sebarang petunjuk atau perlakuan yang menjurus kepada amalan antipersaingan. LoU ini melibatkan kesemua agensi di bawah kawal selia JWP iaitu:

- i. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL);
- ii. Perbadanan Putrajaya (PPj);
- iii. Perbadanan Labuan (PL);
- iv. Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP);
- v. Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PPKB); dan
- vi. Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP).

Pemeteraian LoU antara MyCC dan JWP merupakan kesinambungan kepada usaha berterusan Kerajaan untuk menambah baik tatakelola perolehan awam, membanteras kewujudan kartel dan mengekang amalan tipuan bida yang menjejaskan kecekapan perbelanjaan awam. Kerjasama strategik ini turut bertujuan memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang cemerlang kepada rakyat, di samping mencegah sebarang bentuk ketirisan dan pembaziran.

Komitmen yang dizahirkan melalui pemeteraian LoU ini adalah terjemahan kepada pendekatan seluruh kerajaan (*whole of government*) dalam membanteras aktiviti kartel atau tipuan bida dalam perolehan kerajaan sekali gus mengekang amalan antipersaingan. Pemeteraian bersama JWP ini adalah kesinambungan kepada agenda yang telah digariskan oleh KPDN dan MyCC dalam meningkatkan ketangkasan pemantauan dan penguatkuasaan dalam membanteras aktiviti antipersaingan dalam perolehan awam. Sejak digerakkan bermula September 2025, empat LoU telah dimeterai iaitu bersama Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).

YB HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP